

# DASAR PRIVASI GLOBAL CITIZENM

Terakhir Dikemas kini 01/01/2023

## 1. Pengenalan

Dasar Privasi (“Dasar”) citizenM (“kami”) ini terpakai untuk pemprosesan oleh citizenM akan maklumat peribadi (bakal) tetamu, penempah dan pelanggan lain (“Tetamu”) serta pelawat laman-laman web kami (sila rujuk Lampiran I untuk senarai penuh domain-domain kami), aplikasi mudah alih, dan akaun serta halaman media sosial (“Pelawat”), termasuk pemohon kerja kami. citizenM memandang berat terhadap privasi Tetamu dan Pelawatnya dan mengendalikan maklumat peribadi mereka dengan berhati-hati. citizenM bertindak menurut perundangan perlindungan data yang berkaitan. Maklumat peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak:

- citizenM Operations Holding B.V., sebuah syarikat liabiliti terhad yang didaftar di bawah undang-undang Belanda, dengan tempat statutorinya di Amsterdam, Belanda dan pejabatnya di Leidseweg 219 (2253 AE) Voorschoten, Belanda. citizenM Operations Holding B.V. didaftar dengan Dewan Perniagaan Belanda (Dutch Chamber of Commerce) di bawah nombor pendaftaran 34218994; dan,
- dalam konteks penginapan atau tempahan anda berhubung salah sebuah hotel kami, entiti yang mengendalikan hotel berjenama citizenM berkenaan, sama ada yang dimiliki atau dilesenkan oleh citizenM Operations B.V. dan syarikat-syarikat gabungan milik penuh dan separa citizenM (masing-masing selepas ini dirujuk sebagai “Hotel citizenM”). Sila rujuk senarai penuh hotel-hotel citizenM kami, dan entiti-entiti sah yang mengendalikan hotel-hotel ini [di sini](#).

Dalam konteks perkhidmatan hotel kami dan produk serta perkhidmatan kami yang berkaitan, citizenM Operations B.V. adalah pengawal data dan entiti untuk dihubungi untuk semua soalan anda berhubung dengan pemprosesan maklumat peribadi anda.

Salinan yang boleh dicetak boleh didapati di sini.

## 2. Maklumat yang Kami Kumpul dan Proses

citizenM mengumpul maklumat peribadi Tetamu dan Pelawatnya untuk tujuan-tujuan tertentu yang nyata sahaja dan tidak akan memproses maklumat peribadi ini dengan cara yang tidak bersesuaian dengan tujuan-tujuan tersebut. Dalam sesetengah keadaan, kami perlu mengumpul maklumat peribadi anda untuk memasuki perjanjian perkhidmatan dengan anda sebagai Tetamu kami. Sekiranya anda tidak memberikan maklumat peribadi ini, kami mungkin tidak dapat memberikan anda perkhidmatan sebagai Tetamu kami.

Kami memproses (contohnya, mengumpul, menggunakan, mendedahkan, menyimpan) maklumat peribadi Tetamu dan Pelawat kami untuk tujuan-tujuan pengurusan operasi, pemasaran, analisis, pengambilan pekerja, pengurusan keselamatan dan pematuhan undang-undang dan kawal selia, seperti yang ditakrifkan di bawah:

- Pengurusan operasi termasuk amalan perniagaan biasa yang berhubung dengan aktiviti perniagaan harian kami termasuk memudahkan penginapan Tetamu, perkhidmatan tetamu dan pengenalan tetamu, menaiktarafkan pengalaman tetamu berdasarkan pilihan Tetamu yang diketahui, perancangan dan pembelanjawan, pelaporan kewangan, pengurusan sumber (penyerahan pejabat, bilik mesyuarat, peralatan IT), penggabungan & pemerolehan termasuk usaha wajar (due diligence), audit atau penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan

terhadap tuntutan undang-undang.

- Pemasaran termasuk penghantaran surat berita yang mengandungi maklumat dan tawaran berkaitan mengenai hotel, produk dan perkhidmatan kami, melalui saluran-saluran maklumat yang berlainan, seperti e-mel, teks dan mesej whatsapp atau saluran-saluran (digital) kami yang lain. Kami juga mungkin mendapatkan maklum balas anda misalnya, menerusi tinjauan pelanggan yang memberikan anda peluang untuk mempengaruhi jenis produk dan perkhidmatan yang kami sediakan dan kami juga mungkin menghantar maklumat berkaitan yang diperibadikan serta tawaran kepada anda tentang hotel, produk dan perkhidmatan kami. Kami juga mungkin mendedahkan maklumat lanjut kepada syarikat pengiklanan seperti Meta (Facebook, Instagram) dan Google, yang akan membantu mereka menyediakan iklan citizenM yang lebih bermakna dan lebih berguna. Walau bagaimanapun, kami tidak akan pernah mengongsikan nama atau apa-apa sahaja maklumat yang boleh mengenal pasti anda secara langsung apabila kami lakukan pendedahan ini.
- Analisis termasuk pemprosesan maklumat peribadi anda dalam bentuk tanpa nama dan teragregat bagi tujuan analitis untuk menambah baik operasi perniagaan kami, termasuk aktiviti-aktiviti pemasaran kami, dan meningkatkan pengalaman anda di hotel-hotel kami, untuk meramal dan menduga tingkah laku tetamu masa depan, untuk membina statistik dan skor perdagangan serta untuk memahami kecenderungan atau keutamaan tetamu. Kami mungkin menganalisa maklumat anda yang dikumpul, misalnya dengan membahagikan pelanggan kepada kategori-kategori pelanggan yang berlainan berdasarkan corak pembelian, tingkah laku dan interaksi bersama kami.

Jika anda ada akaun citizenM kami juga mungkin menganalisis maklumat yang terkandung dalam profil akaun anda untuk tujuan-tujuan pemasaran dan analitis. Jika anda tidak mempunyai akaun citizenM tetapi ingin mencipta sebuah akaun, maklumat peribadi anda mungkin digunakan untuk mencipta akaun anda dan tempahan anda yang sebelumnya atau data yang terkumpul oleh kuki mungkin dikaitkan dengan akaun anda. Jika anda telah mencipta lebih dari satu akaun, citizenM boleh menggabungkan akaun-akaun tersebut bagi tujuan pengurusan, analitis, pencegahan penipuan, pengurangan data dan bagi tujuan pemasaran.

- Pematuhan undang-undang dan kawal selia termasuk pemprosesan sebarang maklumat yang perlu disimpan oleh citizenM berdasarkan kewajipan undang-undang atau kewajipan penjagaan termasuk kewajipan pentadbiran berdasarkan undang-undang (cukai) yang berkenaan, keperluan statistik kerajaan, dsb.
- Pengurusan keselamatan merangkumi menjaga keselamatan rangkaian dan sistem IT syarikat, maklumat syarikat, premis syarikat, serta pekerja, Tetamu dan Pelawat kami dan mencegah penipuan (fraud) serta aktiviti-aktiviti haram atau menyalahi undang-undang yang lain. Tetamu yang berkelakuan tidak senonoh semasa tempoh penginapan mereka (cth. tingkah laku agresif dan anti-sosial, ketidakpatuhan terhadap peraturan keselamatan, kecurian, kerosakan dan vandalisme atau insiden pembayaran) boleh ditambahkan ke senarai larangan menginap kami dan kami mungkin menolak tempahan mereka jika mereka kembali ke hotel kami.
- Pengambilan pekerja merangkumi amalan perniagaan biasa yang berhubung dengan proses pengambilan pekerja. Jika anda membuat permohonan kerja (umum atau untuk peranan khusus) melalui laman web kami atau saluran komunikasi kami yang lain, kami memproses maklumat peribadi anda untuk menilai permohonan anda. Jika anda ditawarkan kerja dan menerima pekerjaan dengan kami, sesetengah maklumat peribadi

yang kami telah kumpul semasa proses pengambilan akan menjadi sebahagian daripada kontrak pekerjaan anda.

o Sebagai sebahagian daripada proses pengambilan pekerja kami, tertakluk pada undang-undang yang berkaitan, di sesetengah negara, kami mungkin mengumpul atau melibatkan pihak ketiga untuk mengumpul maklumat tambahan, seperti melakukan pemeriksaan latar belakang, pemeriksaan rujukan atau penilaian psikologi.

Maklumat peribadi akan diproses hanya jika pemprosesan tersebut adalah berdasarkan mana-mana alasan undang-undang yang disenaraikan dalam seksyen 6 (1) **Peraturan Perlindungan Data Umum (General Data Protection Regulation) („GDPR“)**, terutamanya persetujuan (contohnya, untuk pemprofilan, perlu untuk pelaksanaan kontrak, kepentingan sah). Sekiranya persetujuan pengumpulan maklumat peribadi dibatalkan, kami akan berhenti memproses maklumat peribadi anda.

Bergantung kepada sama ada anda adalah Tetamu atau Pelawat laman web kami, citizenM boleh mengumpul maklumat berikut mengenai anda:

Tujuan Pengumpulan	Kategori Maklumat Peribadi Yang Dikumpul	Maklumat Peribadi Khusus	Alasan Undang-undang bagi Pengumpulan	Sumber Maklumat Peribadi
Pengurusan Operasi	Pengenal pasti	Nama, jantina, alamat pos, alamat e-mel, nombor telefon, maklumat pembayaran (termasuk maklumat kad kredit yang telah ditokenkan), keutamaan dan keperluan permintaan lain, data kesihatan (sekiranya anda menempah bilik yang disesuaikan untuk tetamu kurang upaya atau memohon penerimaan masuk haiwan pembantu), butiran lain yang anda berikan semasa membuat tempahan anda, maklumat akaun, nama pengguna media sosial dan butiran media sosial	Perlu untuk pelaksanaan kontrak	Sistem tempahan, penciptaan akaun, komunikasi dengan kami, daftar masuk / daftar keluar
	Maklumat Peribadi Sensitif	Lesen memandu, kad pengenalan negeri, atau nombor pasport, geolokasi yang tepat (termasuk sama ada anda berada di dalam bilik hotel dan bilangan individu di dalam satu bilik)	Perlu untuk pelaksanaan kontrak atau persetujuan (untuk penggunaan geolokasi yang tepat)	Sistem tempahan, penciptaan akaun, komunikasi dengan kami, daftar masuk/daftar keluar, aplikasi mudah alih, peranti mudah alih
	Perkhidmatan Pelanggan dan Maklum Balas Pelanggan	Pertanyaan, komen, maklum balas	Perlu untuk pelaksanaan kontrak	Tinjauan, chatbot, media sosial, komunikasi anda dengan kami

	Maklumat Audio, Elektronik, Visual, Haba, Bau, atau Serupa	Perbualan telefon yang dirakam, transkrip perbualan	Persetujuan	Perbualan telefon
	Internet atau Aktiviti Rangkaian Serupa yang Lain	Alamat IP, maklumat mengenai penggunaan sistem bilik (seperti lampu, tirai, media, kawalan suhu dan kunci pintu) serta sistem lain (kiosk)	Perlu untuk pelaksanaan kontrak atau persetujuan (untuk kegunaan kuki / teknologi penjejakan)	Laman web, kuki, teknologi penjejakan, aplikasi mudah alih, media sosial, chatbot, sistem bilik
	Data Geolokasi	Lokasi	Persetujuan	Aplikasi mudah alih, peranti mudah alih
	Maklumat Komersil	Butiran tempahan, rekodilikan peribadi (produk) dan perkhidmatan hotel yang dibeli, termasuk maklumat tempahan dan “kegemaran” anda	Kepentingan sah	Pembelian yang dibuat di hotel kami, secara dalam talian atau melalui aplikasi mudah alih kami atau menerusi laman web pihak ketiga
	Ciri-ciri yang dilindungi di bawah Undang-undang California atau Undang-undang Persekutuan Amerika Syarikat	Nombor kad kredit, nombor kad debit, atau apa jua maklumat kewangan yang lain	Perlu untuk pelaksanaan kontrak	Sistem tempahan, penciptaan akaun
Pemasaran	Pengenal pasti	Nama, jantina, alamat pos, alamat e-mel, nombor telefon, tarikh lahir, tempat kediaman, pekerjaan anda, keutamaan dan keperluan permintaan yang lain, butiran lain yang anda berikan semasa membuat tempahan, maklumat akaun, nama pengguna media sosial dan butiran media sosial, butiran lain yang anda telah tambah ke profil akaun anda	Persetujuan	Sistem tempahan, penciptaan akaun, komunikasi dengan kami, daftar masuk / daftar keluar
	Internet atau Aktiviti Rangkaian Serupa yang Lain	Alamat IP, tingkah laku dalam talian di laman web dan aplikasi mudah alih kami dan diperolehi dari platform media sosial seperti LinkedIn dan Facebook atau broker data	Persetujuan	Laman web, kuki, teknologi penjejakan, aplikasi mudah alih, media sosial, chatbot

	Data Geolokasi	Lokasi	Persetujuan	Laman web, aplikasi mudah alih
	Maklumat Komersil	Butiran tempahan, rekodilikan peribadi (produk) dan perkhidmatan hotel yang dibeli, termasuk maklumat tempahan dan “kegemaran” anda	Persetujuan	Pembelian yang dibuat di hotel kami, secara dalam talian atau melalui aplikasi mudah alih kami atau menerusi laman web pihak ketiga
Analisis	Pengenalan pasti	Nama, jantina, alamat pos, alamat e-mel, nombor telefon, tarikh lahir, tempat kediaman, pekerjaan anda, maklumat bayaran, keutamaan dan keperluan permintaan lain, data kesihatan (sekiranya anda menempah bilik yang disesuaikan untuk tetamu kurang upaya atau memohon penerimaan masuk haiwan pembantu), butiran lain yang anda berikan semasa membuat tempahan anda, maklumat akaun, nama pengguna media sosial dan butiran media sosial, butiran lain yang anda telah tambah ke profil akaun anda	Kepentingan sah	Sistem tempahan, penciptaan akaun, komunikasi dengan kami, daftar masuk / daftar keluar
	Maklumat Peribadi Sensitif	Geolokasi yang tepat (termasuk sama ada anda di bilik hotel anda dan bilangan individu di dalam bilik anda)	Persetujuan	Aplikasi mudah alih, peranti mudah alih
	Perkhidmatan Pelanggan dan Maklum Balas Pelanggan	Pertanyaan, komen, maklum balas	Kepentingan sah	Tinjauan, chatbot, media sosial, komunikasi anda dengan kami
	Internet atau Aktiviti Rangkaian Serupa yang Lain	Alamat IP, maklumat mengenai penggunaan sistem bilik (seperti lampu, tirai, media, kawalan suhu dan kunci pintu) serta sistem lain (kiosk)	Kepentingan atau persetujuan yang sah (untuk penggunaan kuki / teknologi penjejakan)	Laman web, kuki, teknologi penjejakan, aplikasi mudah alih, media sosial, chatbot, sistem bilik
	Data Geolokasi	Lokasi	Kepentingan sah	Laman web, aplikasi mudah alih, peranti mudah alih

	Maklumat Komersil	Butiran tempahan, rekod milikan peribadi (produk) dan perkhidmatan hotel yang dibeli, termasuk maklumat tempahan dan "kegemaran" anda	Kepentingan sah	Pembelian yang dibuat di hotel kami, secara dalam talian atau melalui aplikasi mudah alih kami atau menerusi laman web pihak ketiga
	Ciri-ciri yang dilindungi di bawah Undang-undang California atau Undang-undang Persekutuan Amerika Syarikat	Kewarganegaraan (di mana berkaitan), jantina	Kepentingan sah	Maklumat yang anda berikan semasa tempahan atau daftar masuk
Pematuhan Undang-undang & Kawal Selia	Pengenal pasti	Nama, jantina, tarikh dan tempat kelahiran, plat pendaftaran kereta	Pematuhan kewajipan undang-undang	Sistem tempahan, penciptaan akaun, komunikasi dengan kami, daftar masuk / daftar keluar
	Maklumat Peribadi Sensitif	Maklumat visa, tempat tinggal, nombor ID anda (seperti pasport atau lesen memandu), tarikh tamat tempoh ID	Pematuhan kewajipan undang-undang	Sistem tempahan, penciptaan akaun, komunikasi dengan kami, daftar masuk / daftar keluar
	Maklumat Komersil	Butiran tempahan, rekod milikan peribadi (produk) dan perkhidmatan hotel yang dibeli, termasuk maklumat tempahan	Pematuhan kewajipan undang-undang	Pembelian yang dibuat di hotel kami, secara dalam talian atau melalui aplikasi mudah alih kami atau menerusi laman web pihak ketiga
	Ciri-ciri yang dilindungi di bawah Undang-undang California atau Undang-undang Persekutuan Amerika Syarikat	Kewarganegaraan	Pematuhan kewajipan undang-undang	Maklumat yang anda berikan semasa tempahan atau daftar masuk

Pengurusan Keselamatan	Pengenal pasti	Nama, jantina, alamat pos, alamat e-mel, nombor telefon, dan lain-lain data yang relevan dengan senarai "tidak boleh mengingati"	Kepentingan sah	Sistem tempahan, penciptaan akaun, komunikasi dengan kami, daftar masuk / daftar keluar
	Maklumat Peribadi Sensitif	Geolokasi yang tepat (termasuk sama ada anda di bilik hotel anda dan bilangan individu di dalam bilik anda)	Kepentingan sah	Aplikasi mudah alih, peranti mudah alih
	Maklumat Biometrik	Imej yang ditangkap melalui sistem pengawasan litar tertutup (CCTV)	Kepentingan sah	Sistem pengawasan CCTV
	Data Geolokasi	Lokasi (termasuk sama ada anda di bilik hotel anda dan bilangan individu di dalam bilik anda)	Kepentingan sah	Aplikasi mudah alih, peranti mudah alih, sistem pengawasan CCTV
	Inferens mengenai anda	Profil yang mencerminkan ciri, trend psikologi, kecenderungan, tingkah laku anda	Kepentingan sah	Maklumat yang kami kumpul mengenai anda dari interaksi kami dengan anda
Pengambilan pekerja	Pengenal pasti	Nama, jantina, alamat pos, alamat e-mel, nombor telefon, tarikh dan tempat lahir, maklumat visa, tempat kediaman, pekerjaan anda, nombor dokumen pengenalan	Persetujuan	Bahan permohonan kerja, komunikasi lain dengan kita
	Maklumat Peribadi Sensitif	Maklumat Visa	Persetujuan	Bahan permohonan kerja, komunikasi lain dengan kita
	Internet atau Aktiviti Rangkaian Serupa yang Lain	Alamat IP	Persetujuan	Laman web, kuki, teknologi penjejakan
	Personaliti, Maklumat Profesional atau Berkaitan Pekerjaan	Ciri-ciri, resume, diploma yang diterima, rujukan	Persetujuan	Permohonan kerja, saringan dan penilaian pekerjaan, komunikasi lain dengan kita
	Maklumat pendidikan	Ijazah, sijil, transkrip pendidikan, diploma yang diterima	Persetujuan	Permohonan kerja, saringan dan penilaian pekerjaan, komunikasi lain dengan kita

	Maklumat Biometrik	Gambar, imej lain dalam rakaman video	Kepentingan sah	Bahan permohonan kerja
	Ciri-ciri yang dilindungi di bawah Undang-undang California atau Undang-undang Persekutuan Amerika Syarikat	Kewarganegaraan (di mana berkaitan), jantina	Kepentingan sah	Bahan permohonan kerja

**Notis Insentif Kewangan:** Tetamu dan Pelawat boleh menyertai program kesetiaan mycitizenM kami pada bila-bila masa dengan mendaftar di laman web kami. Dengan mendaftar untuk program kesetiaan mycitizenM kami, para ahli akan menerima diskaun dan faedah eksklusif kepada ahli sahaja, termasuk jaminan harga terbaik kami untuk tempahan, ganjaran dan penggunaan penuh aplikasi mudah alih kami. Ahli mycitizenM+ juga menerima tambahan 10% diskaun daripada tempahan mereka, daftar keluar lewat percuma dan pemandangan bilik premium. Oleh kerana program kesetiaan kami melibatkan pengumpulan maklumat peribadi, ia mungkin ditafsirkan sebagai program „insentif kewangan“ di bawah undang-undang California. Kami mengumpul maklumat peribadi daripada mycitizenM dan ahli mycitizenM+ kami seperti yang diterangkan dalam Polisi ini, termasuk maklumat pengecam (nama, alamat e-mel, warganegara dan negara tempat tinggal, nombor telefon dan kata laluan akaun), data geolokasi, internet dan aktiviti elektronik lain yang serupa, maklumat komersial, seperti butiran tempahan anda dan ciri perlindungan lain di bawah Undang-undang California atau Undang-undang Persekutuan Amerika Syarikat termasuk maklumat pembayaran anda. Nilai maklumat peribadi anda kepada kami adalah berkaitan dengan nilai produk atau perkhidmatan percuma atau diskaun, atau faedah lain yang anda perolehi atau yang disediakan sebagai sebahagian daripada program kesetiaan, ditolak perbelanjaan yang berkaitan dengan menawarkan produk, perkhidmatan tersebut, dan faedah kepada peserta program, termasuk sebarang yuran keahlian. Ahli program kesetiaan kami boleh membatalkan keahlian mereka pada bila-bila masa dengan menghubungi kami di [support@citizenm.com](mailto:support@citizenm.com).

### 3. Berkongsi Maklumat

**Kami tidak akan menjual maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga.** Walau bagaimanapun, kami mungkin berkongsi maklumat peribadi anda dalam beberapa keadaan yang terhad, termasuk:

- **Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga:** Kami berkongsi maklumat peribadi dengan pihak ketiga yang terlibat dalam proses menyediakan perkhidmatan untuk digunakan atau kepada anda atau menjalankan fungsi bagi pihak kami (termasuk pemrosesan pembayaran). Pihak ketiga hanya dibenarkan untuk menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan yang maklumat sedemikian telah diberikan dan tidak boleh mendedahkannya kepada mana-mana pihak ketiga yang lain kecuali atas arahan kami yang nyata dan mengikut Dasar Privasi ini.
- **Pihak Berkuasa Undang-Undang dan Kawal Selia:** Kami mungkin dari semasa ke semasa membolehkan maklumat peribadi anda diakses oleh pihak berkuasa undang-undang dan kawal selia, akauntan kami, juruaudit, peguam atau penasihat profesional yang serupa atau oleh pihak ketiga yang lain, apabila ini diperlukan di sisi undang-undang, perlu untuk



mbolehkan kami melaksanakan hak kami di sisi undang-undang, untuk mematuhi kewajiban undang-undang kami, atau perlu untuk mengambil tindakan berhubung aktiviti haram atau untuk melindungi keselamatan mana-mana orang;

- Urusan Perniagaan: Sekiranya semua atau sebahagian syarikat kami dijual, digabung atau sebaliknya dipindah milik, kami mungkin akan memindahkan maklumat peribadi anda sebagai sebahagian daripada transaksi tersebut. Kami juga mungkin memindahkan maklumat peribadi anda kepada pemilik-pemilik hotel yang diuruskan oleh kami.

Jika anda telah menarik diri daripada penggunaan kuki pada peranti tertentu, maka kami tidak akan berkongsi sebarang maklumat peribadi yang diperolehi daripada anda semasa anda menggunakan peranti tersebut.

#### 4. Pilihan & Hak Anda

Pilihan dan hak yang berikut berhubung dengan maklumat peribadi anda adalah tersedia kepada anda:

##### **Hak Meminta Akses**

Anda mempunyai hak untuk meminta kami memberi anda maklumat berikut tentang pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi anda oleh kami:

- Kategori maklumat peribadi yang kami kumpulkan tentang anda.
- Kategori sumber untuk maklumat peribadi yang kami kumpulkan tentang anda (contohnya, penggunaan kuki, pihak ketiga, dan sebagainya).
- Tujuan perniagaan atau komersil kami untuk mengumpul maklumat peribadi tersebut.
- Kategori pihak ketiga yang kami akan berkongsi atau telah berkongsi maklumat peribadi tersebut.
- Maklumat peribadi tertentu yang kami kumpulkan tentang anda (dalam keadaan ini kami merujuk kepada permintaan kemudahan data), dan
- Maklumat mengenai sebarang pendedahan untuk tujuan perniagaan, yang mengenal pasti kategori maklumat peribadi yang diperolehi oleh setiap kategori penerima.

##### **Hak Meminta Pemadaman, Pembedulan dan Sekatan**

Anda mempunyai hak untuk meminta kami memadamkan, menyekat atau, jika anda percaya bahawa pemrosesan maklumat peribadi anda tidak betul atau tidak tepat, mengubah mana-mana maklumat peribadi yang dikumpulkan dari anda dan dikekalkan, tertakluk pada pengecualian tertentu. Setelah mengesahkan permintaan pengguna anda yang boleh ditentusah, kami akan memadam, menyekat atau mengubah, sebagaimana perlu, dan mengarahkan pembekal perkhidmatan kami untuk memadam, menyekat atau mengubah maklumat peribadi anda. Permintaan anda untuk memadam maklumat peribadi yang dikumpul boleh ditolak sekiranya kami perlu mengekalkan maklumat anda di bawah satu atau lebih pengecualian yang disenaraikan dalam GDPR atau Akta Privasi Pengguna California.

##### **Hak Kemudahan Data**

Dalam sesetengah kes, anda boleh menerima maklumat peribadi anda yang disediakan oleh diri anda dalam format berstruktur, biasa digunakan dan boleh dibaca oleh mesin.

<b>Hak Untuk Membantah</b>	Di mana kami memproses maklumat peribadi anda berdasarkan „kepentingan sah“, anda mungkin mempunyai hak di sisi undang-undang untuk membantah terhadap pemrosesan maklumat peribadi anda.
<b>Hak Menarik Balik Kebenaran</b>	Di mana kami memproses maklumat peribadi berdasarkan persetujuan anda, anda mempunyai hak untuk membatalkan kebenaran sedemikian pada bila-bila masa.
<b>Hak untuk Menarik Diri daripada Perkongsian</b>	Apabila kami berkongsi maklumat peribadi anda dengan pihak ketiga untuk tujuan pengiklanan atau pemprofilan berdasarkan tingkah laku merentas konteks (cross-context behavioral advertising), anda boleh menarik diri daripada perkongsian tersebut pada bila-bila masa.
<b>Hak untuk Privasi Selepas Kematian</b>	Anda mempunyai hak untuk menetapkan arahan berhubung dengan penyimpanan, pemadaman atau pemindahan komunikasi maklumat peribadi anda selepas kematian anda.
<b>Hak untuk Membuat Aduan</b>	Anda mempunyai hak di sisi undang-undang untuk membuat aduan dengan pihak berkuasa yang berwibawa.

Apabila mengendalikan sebarang permintaan akses, pemadaman atau pembetulan data, kami akan mengesahkan dahulu identiti individu yang membuat permintaan atau pertanyaan berkenaan dan mempertimbangkan kewajipan kami di bawah peraturan dan undang-undang perlindungan data yang berkaitan. Permintaan sedemikian biasanya disediakan dengan percuma, namun, bayaran wajar tertentu mungkin dikenakan untuk meliputi kos pentadbiran kami bagi permintaan yang nyata sekali tidak berasas, berlebihan atau berulang-ulang. Kami sentiasa berusaha untuk memberi anda respons dalam tempoh 15 hari.

**Jangan Jejak:** Tapak web kami tidak direka bentuk untuk membalas permintaan „jangan jejak“ daripada pelayar.

**Undang-undang “Shine the Light” dan “Eraser”:** Anda boleh meminta untuk mendapatkan senarai kesemua pihak ketiga yang telah kami dedahkan maklumat tertentu pada tahun sebelumnya untuk tujuan pemasaran langsung pihak ketiga tersebut. Sila ambil perhatian, kami tidak menjual atau berkongsi sebarang maklumat peribadi dengan pihak ketiga untuk tujuan pemasaran langsung mereka.

## 5. Dasar Kuki Kami

Bahagian ini menerangkan jenis kuki dan teknik serupa (selepas ini dirujuk sebagai „kuki“) yang kami gunakan di laman web kami. citizenM menggunakan kuki fungsian dan teknikal di laman webnya; kuki penjejakan pihak pertama mungkin digunakan, tetapi hanya setelah Pelawat memberikan persetujuan mereka kepadanya. Pihak ketiga hanya dibenarkan meletakkan kuki di laman web citizenM jika Pelawat telah memberikan persetujuan mereka terhadap penggunaan kuki pihak ketiga sedemikian. Pelawat boleh menarik balik persetujuan mereka pada bila-bila masa dengan menetapkan pelayar mereka untuk melumpuhkan kuki atau membuang semua kuki dari pelayar mereka.

**Kuki Pemasaran:** Dengan persetujuan anda citizenM meletakkan kuki pemasaran dan penjejak untuk mengiklankan produk dan perkhidmatan kami kepada anda. Kuki pemasaran juga membolehkan kami memberi anda tawaran yang relevan berdasarkan pelayaran, carian dan tingkah laku tempahan dalam talian anda.

**Fungsian dan Pengoptimuman Laman Web:** Kami menggunakan kuki yang perlu untuk menyediakan perkhidmatan yang diminta. Misalnya, kuki teknikal membolehkan anda terus melayari halaman-halaman berlainan di sesebuah laman web dengan sekali log masuk dan kuki ini mengingatkan pilihan dalam bentuk troli membeli-belah dan borang (pesanan) yang diisi di laman web kami. Kami juga menggunakan kuki untuk mengukur tingkah laku anda di laman web kami untuk mengetahui tentang pengalaman dalam talian pelawat laman web kami dan untuk meningkatkan lagi kualiti laman web kami. Dengan berbuat demikian, kami juga mengumpul ciri-ciri teknikal peralatan terminal anda dan perisian yang digunakan oleh anda, seperti jenis sistem pengendalian, tetapan pelayar, pemalam yang dipasang, zon waktu dan saiz skrin peranti anda.

**Penjejakan silang laman:** Dengan persetujuan anda, pihak ketiga boleh menyimpan kuki penjejakan pada peranti anda jika anda melawat laman web kami. Kuki sedemikian membolehkan pihak ketiga ini untuk menjejak tingkah laku pelayaran dalam talian anda merentas laman web yang berlainan (termasuk laman web citizenM). Tujuan umum kuki penjejakan tersebut adalah untuk memberikan anda iklan yang disasarkan di semua laman web yang anda lawati. Kami tidak mengawal atau mempengaruhi penggunaan maklumat yang dikumpulkan melalui kuki pihak ketiga ini. Sila baca dasar privasi pihak ketiga ini untuk mengetahui lebih lanjut tentang cara mereka menggunakan kuki dan memproses maklumat peribadi anda.

**Media Sosial:** Dengan persetujuan anda, laman web kami menggunakan kuki untuk berinteraksi dengan platform media sosial. Kuki ini juga digunakan untuk mengoptimumkan pengalaman anda di laman web media sosial. Harap maklum bahawa kuki ini juga mungkin membenarkan platform media sosial untuk menjejak tingkah laku dalam talian anda untuk tujuan penjejakan silang laman.

**Penarikan Balik Persetujuan:** Anda boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa dengan menetapkan pelayar web anda untuk melumpuhkan kuki atau untuk membuang semua kuki dari pelayar anda.

## 6. Perlindungan Data Peribadi Anda

citizenM telah menggunakan dan akan terus menggunakan usaha wajar untuk melindungi maklumat peribadi daripada kerugian, pengubahsuaian atau sebarang bentuk penggunaan yang menyalahi undang-undang. Di mana mungkin, maklumat peribadi akan disulitkan dan disimpan pada pelayan peribadi maya (virtual private server) yang dilindungi dengan langkah-langkah perlindungan piawaian industri. Sebilangan orang yang sangat terhad, iaitu mereka yang perlu ada akses kepada maklumat peribadi untuk tujuan pekerjaan mereka, mempunyai akses kepada maklumat peribadi. Jika dan setakat mana maklumat peribadi akan disimpan dalam infrastruktur awan (cloud) yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan awan pihak ketiga, pembekal perkhidmatan ini akan terikat oleh kontrak bertulis untuk memproses maklumat peribadi yang diberikan kepada mereka hanya untuk tujuan menyediakan perkhidmatan tertentu itu kepada citizenM dan untuk mengekalkan langkah-langkah keselamatan yang sesuai untuk melindungi maklumat peribadi ini. citizenM berusaha untuk mengehadkan penggunaan fail kertas yang mengandungi maklumat peribadi. Jika penggunaan fail kertas tidak boleh dielakkan, fail kertas sedemikian akan disimpan dalam kabinet tertutup dan dimusnahkan mengikut terma-terma pengekelan yang berkenaan.

**Pelanggaran Data:** citizenM akan melindungi maklumat peribadi yang diprosesnya daripada kerugian dan pemprosesan yang menyalahi undang-undang. Jika pelanggaran data masih berlaku meskipun perlindungan sedemikian, citizenM akan melaporkan kepada pihak

berkuasa kawal selia yang berkenaan mengenai pelanggaran data sedemikian, yang besar kemungkinannya boleh mengakibatkan kesan buruk yang serius terhadap perlindungan maklumat peribadi, jika terdapat kesan buruk yang serius terhadap perlindungan maklumat peribadi, atau jika sebaliknya difikirkan wajar atau perlu di sisi undang-undang.

Pelanggaran data berkenaan juga akan dilaporkan kepada individu yang terjejas jika ia mungkin menjejaskan privasi mereka secara tidak wajar atau jika sebaliknya perlu di sisi undang-undang. Demi memastikan bahawa pelanggaran data mendapat perhatian yang sewajarnya dan, jika perlu, dilaporkan, kami telah melaksanakan Dasar Pelanggaran Data, yang menerangkan prosedur yang mesti diikuti sekiranya berlaku pelanggaran data.

**Daftar Pemprosesan Data:** citizenM akan merekodkan setiap proses data di dalam sebuah daftar pemprosesan data. Semua proses data yang baru akan menjalani penilaian kesan perlindungan data („DPIA“) sebelum pelaksanaannya. Semua proses data yang sedia ada akan menjalani DPIA setiap tiga tahun. Tujuan DPIA adalah untuk menentukan sama ada proses data yang berkaitan mungkin menyebabkan risiko yang tinggi terhadap privasi Tetamu atau Pelawat dan jika ya, langkah-langkah sewajarnya yang harus diambil untuk melindungi maklumat peribadi tersebut.

**Pengekalan Data:** citizenM akan mengekalkan maklumat peribadi untuk tempoh masa yang perlu sahaja untuk memenuhi tujuan ia dikumpul, iaitu 3 tahun dari yang tarikh terakhir penginapan Tetamu, pembukaan aplikasi citizenM kami, lawatan laman web citizenM atau pembukaan surat berita citizenM atau iklan yang disasarkan, melainkan tempoh pengekalan yang lebih lama diperlukan atau dibenarkan di sisi undang-undang (yang biasanya berlaku dalam konteks kewajipan citizenM di bawah undang-undang cukai). Maklumat peribadi pemohon pekerjaan akan menjadi sebahagian daripada rekod pekerjaan anda dan akan digunakan untuk tujuan pekerjaan jika permohonan kerja berjaya. Setakat mana sebarang laporan penilaian psikologi menjadi sebahagian daripada fail pengambilan pekerja, ia akan disimpan dalam fail yang berasingan yang boleh diakses atas dasar perlu diketahui sahaja. Maklumat peribadi pemohon kerja yang tidak berjaya akan dikekalkan selaras dengan tempoh pengekalan berkanun yang berkaitan melainkan mereka memberikan persetujuan bertulis secara nyata untuk mendaftarkan nama dan butiran perhubungan mereka untuk tempoh selama satu tahun, semata-mata untuk tujuan menghubungi mereka jika terdapat peluang pekerjaan baru yang mungkin menarik minat mereka. Sepanjang tempoh setahun ini, anda boleh sentiasa meminta agar butiran anda dikeluarkan dari fail kami dengan menghantarkan e-mel ke [privacy@citizenm.com](mailto:privacy@citizenm.com).

**Pemindahan Data Rentas Sempadan:** Memandangkan kami beroperasi di peringkat antarabangsa, dan menyediakan anda perkhidmatan yang berkaitan melalui sumber dan pelayan (servers) di seluruh dunia, berkongsi maklumat peribadi anda merentas sempadan adalah penting bagi anda untuk menerima perkhidmatan kami. Dengan yang demikian, anda mengakui dan bersetuju bahawa citizenM boleh memindahkan data anda secara global, supaya anda boleh menggunakan perkhidmatan kami. Maklumat peribadi anda boleh dipindahkan ke Hotel citizenM atau rakan kongsi (sokongan) kami di negara di luar negara ia asalnya dikumpulkan atau di luar negara kediaman anda atau kewarganegaraan anda. Atas sebab teknikal dan organisasi dan dalam konteks infrastruktur awan (cloud) digital kami, maklumat peribadi anda juga dipindahkan ke pelayan (servers) yang terletak di Amerika Syarikat, atau ke pelayan yang terletak di negara-negara di luar Kawasan Ekonomi Eropah (EEA). Dalam hal ini, kami telah mengikuti usaha wajar dan menandatangani perjanjian kontrak seperti yang dikehendaki oleh undang-undang perlindungan data yang berkenaan, termasuk klausa model EU atau UK yang sesuai, dengan pihak yang menerima. Kontrak kami mewajibkan pihak yang menerima untuk memastikan langkah teknikal dan organisasi yang sesuai dilaksanakan dan dikekalkan pada setiap masa untuk mengelakkan pemprosesan maklumat peribadi yang tidak dibenarkan dan menyalahi undang-undang, dan kehilangan

atau kemusnahan secara tidak sengaja, atau kerosakan kepada maklumat peribadi, selaras dengan kewajipan kami di bawah undang-undang perlindungan data yang berkenaan. Sila hubungi kami jika anda ingin menerima maklumat lanjut tentang perlindungan khusus yang kami telah laksanakan untuk memastikan tahap perlindungan data yang mencukupi berhubung pemindahan sedemikian.

## **7. Kanak-kanak**

Laman web kami, termasuk penyiaran permohonan pekerjaan kami, tidak ditujukan kepada kanak-kanak bawah umur. citizenM tidak dengan sengaja mendapatkan, mengumpul, menggunakan atau mendedahkan maklumat peribadi daripada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Sekiranya kami mendapat tahu bahawa kami telah secara tidak sengaja mengumpul maklumat peribadi daripada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, kami akan memadam maklumat tersebut dari rekod kami.

## **8. Pemantauan & Audit**

Pematuhan Dasar Privasi citizenM ini akan dipantau dan diaudit selalu. Daftar pemrosesan maklumat peribadi akan dikemas kini dengan segera sebaik sahaja pelaksanaan proses maklumat peribadi yang baharu. Kesempurnaan dan ketepatan daftar pemrosesan maklumat peribadi akan disahkan setiap suku tahun. Senarai rakan kongsi yang meletakkan kuki pihak ketiga di laman web citizenM akan dikemas kini setiap bulan.

## **9. Semakan kepada Dasar Privasi Global ini**

Kami telah berusaha sebaik mungkin untuk memastikan bahawa Dasar Privasi ini menerangkan cara kami memproses maklumat peribadi anda dan hak yang anda ada sehubungannya. Walau bagaimanapun, kami mungkin mengubah Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa untuk memastikan ia masih terkini. Apabila perlu, kami akan memaklumkan anda tentang perubahan ini dengan menyiarkan notis ketara di laman web kami.

## **10. Maklumat Perhubungan / Cara Mengemas Kini Maklumat Peribadi Anda**

Jika anda ada sebarang pertanyaan atau komen tentang Dasar Privasi kami atau ingin melaksanakan mana-mana hak anda seperti yang digariskan dalam Dasar Privasi ini, sila e-mel kami di [privacy@citizenm.com](mailto:privacy@citizenm.com). Pegawai Perlindungan Data kami boleh juga dihubungi di [dpo@citizenm.com](mailto:dpo@citizenm.com). Anda juga boleh klik di sini untuk menggunakan borang dalam talian kami.

Jika anda seorang pemastautin Amerika Syarikat, anda juga boleh menghubungi kami tanpa bayaran di + 1 (888) 34 34 752.

Sekiranya, sebagai pemastautin EEA, anda percaya bahawa kami tidak dapat menyelesaikan mana-mana isu sedemikian dengan secukupnya, anda berhak menghubungi pihak berkuasa penyeliaan Kesatuan Eropah anda.

Di Belanda:

Autoriteit Persoonsgegevens

P.O. Box 93374

2509 AJ the Hague, the Netherlands